



KUALA PILAH



Unik membangun

KUALA PILAH

Terbitan ke12 Kerajaan Negeri Sembilan

Cetakan pertama: MAC 1982

Diterbitkan oleh Ibu Pejabat Kerajaan
Negeri Sembilan. Dicetak oleh Percetakan Negeri Sdn. Bhd.



Kata-Kata Aluan

Buku kecil pembangunan daerah Kuala Pilah ini kami terbitkan lengkap dengan data-data rancangan pembangunan yang sempat Kerajaan Barisan Nasional kita laksanakan dari 1978 hingga akhir Januari 1982 ini.

Melalui rencana, ulasan dan data-data itu dapatlah kita mengenal dengan lebih dekat lagi tentang pembangunan daerah kita yang tercinta ini, dan sekali gus jelaslah kepada kita bahawa daerah kita, Kuala Pilah ini, memang pesat pembangunannya berseiringan dengan lain-lain daerah di Negeri Sembilan Darul Khusus ini.

Setelah kita baca dan teliti rentak pembangunannya, perlu kita kenal pasti pula apakah langkah-langkah ataupun sumbangan yang perlu kita ambil bagi menjamin rancangan pembangunan yang sedemikian pesat dapat terus dilaksanakan oleh Kerajaan yang kita sendiri pilih ini.

Empat tahun lebih kurang yang lalu kita bermaufakat dan membuat pilihan yang bijak. Hari ini hasil permaufakatan itu kita perolehi melalui nikmat dan faedah rancangan pembangunan yang tepat rentaknya.

Kini kita ada dalam masyarakat, daerah dan bumi yang sama dengan suasana yang lebih menyenangkan dari dulu. Hasrat kita untuk maju lagi memang besar. Begitu juga hasrat kami untuk memberi kemajuan. Hakikat ini hanya akan kita capai dengan mengikuti falsafah orang tua-tua kita, "Ada ubi ada batas, ada budi ada balas".

Sekian dan salam sejahtera.

(DATO' RAIS YATIM)
Menteri Besar,
Negeri Sembilan.

Seremban
Mac, 1982.

KUALA PILAH

Daerah Kuala Pilah, yang luasnya 118,704 hektar, merupakan sebuah daerah yang unik. Penduduknya yang lebih kurang 69,000 orang itu kuat berpegang kepada budaya mereka yang dinaungi oleh adat pepateh.

Daerah yang terletak kira-kira 40 km dari bandar Seremban itu boleh dikatakan sebagai daerah pertanian, yang mana, hasil dari kecekalan penduduknya, penghasilan pertanian di daerah Kuala Pilah ini mengatas semua daerah, kecuali Jempol, yang banyak mempunyai kawasan ladang tersusun.

Kuala Pilah, yang kini diterajukan pentadbiran dan rancangan pembangunannya oleh Pegawai Daerah Encik Wan Hilal bin Wan Haji Abdul Rahman, telah membelanjakan lebih kurang \$37.6 juta, sejak tiga tahun lalu untuk tujuan pembangunannya.



Pusat Pertumbuhan Juasgeh dalam pembinaan - kearah memperbandarkan Kawasan Kampung.



YB. Dato' Mansor Othman
(Parlimen Kuala Pilah)



YB. Encik Ahmad Haji Kassim (Sri Menanti)

Setiap rakyat daerah ini merasa bangga di atas tahap kemajuan dan pembangunan yang mereka nikmati.

Dari segi pembangunan infrastruktur, daerah ini merupakan termaju di antara lima buah daerah di timur Negeri Sembilan.

Dari segi pembinaan jalan kampung, daerah ini mendapat 48.95 km jalan dengan belanja lebih kurang \$3.96 juta. Beberapa batang jalan kampung lagi sedang dibina atau dibaiki lagi tarafnya untuk kemudahan rakyat di luar bandar melalui usaha Jabatan Kerja Raya.

Di samping jalan-jalan kampung yang dibina oleh JKR tadi, Pejabat Daerah juga turut membina jalan-jalan kampung yang dikenali sebagai Jalan Pegawai Daerah.

Sejumlah \$595,000 telah dibelanja di 18 buah kampung dengan panjangnya kira-kira 10 km. Dengan terbinaanya jalan-jalan Pegawai Daerah ini rakyat perolehi satu lagi kemudahan asas yang sangat besar ertiinya dalam penghidupan mereka sehari-hari.

Pembekalan air paip kepada penduduk, khususnya mereka di luar bandar, juga telah dipertingkatkan.



YB. Encik Hamzah Yatim (Johol)



YB. Encik Ali Manat (Ulu Muar)




YB. Tunku Kelsom Tunku Muda Chik (Pilah)

Sehingga kini, 79 buah kampung telah menikmati bekalan air paip. Dalam tempoh berkenaan, \$1.48 juta dibelanjakan untuk memasang 107,389 meter paip besar.

Dari segi keagamaan pula, 17 buah masjid didirikan di daerah ini sejak tahun 1978. Di samping itu terdapat juga 22 bangunan perubatan seperti klinik desa, klinik bidan, pusat kesihatan besar dan kecil.

Jabatan Pelajaran pula telah menyiapkan 57 buah sekolah.




Bekalan api luar bandar



Sebuah Sekolah Menengah Vokasyenal baru dibina bagi menampung pelajar mahir



Cawangan Jabatan Pengangkutan Jalan diwujudkan di Kuala Pilah untuk kemudahan Umum



RPK Di Ulu Inas


Rancangan Pemulihan Kampung (RPK) yang dimulakan pelaksanaannya pada tahun 1979 telah banyak memberi faedah kepada penduduk daerah ini.

Sejak bermulanya rancangan tersebut sebanyak \$1.3 juta telah dibelanjakan dan 37 buah kampung telah menikmati faedahnya. Rancangan ini termasuk pembinaan atau pembalikan 496 buah rumah yang dihadir keadaannya.

Kuasa elektrik juga merupakan satu keperluan asas yang sangat diperlukan. Lembaga Letrik Negara di Kuala Pilah sehingga ini telah dapat membekalkan kuasa elektrik kepada 22,252 pengguna.



Rancangan Belia Peladang di Gentam - membasi penangguran di kalangan belia



Rancangan kemudahan asas di bawah RPK untuk faedah rakyat



Komplek sukan di KP - kemudahan riadah untuk rakyat



Bagi menambah kuasa elektrik ke daerah ini, LLN telah menyiapkan sebuah pencawang penerima utama di Pasir Besar pada tahun 1980 dan di bandar Kuala Pilah pada tahun 1981.

Walaupun daerah ini dianggap daerah luar bandar, namun kemudahan telefon tetap merupakan satu kemudahan asas yang penting, terutama dalam masa berlakunya sesuatu kecemasan.

Bagi menjamin kemudahan perkhidmatan telefon yang lebih baik, terutama kepada mereka di luar bandar, Jabatan Telekom telah mendirikan 43 pondok telefon.



Taliair yang berkesan untuk pengairan yang sempurna



Sabsidi benih, baja dan racun diberi untuk sawah yang subur

Ibusawat telefon elektronik yang mengandungi 1,000 talian juga telah siap dibina dengan belanja hampir \$3 juta, bagi menampung keperluan perkhidmatan telefon yang bertambah.

Bagi menampung keperluan perairan bagi kawasan-kawasan pertanian di daerah ini, Jabatan Parit dan Talair daerah telah menyiapkan tujuh skim pengairan baru. Skim ini sekali gus memberi kemudahan pengairan kepada 172.2 hektar tanah pertanian, terutama sawah.

Belanja yang dikeluarkan bagi



Tanah terbiar diusahakan oleh Penduduk Ulu Inas dengan bantuan Kerajaan



Pusat pengumpulan getah di Melekai - untuk menambah baik pasaran pekebun kecil

pelaksanaan projek tersebut ialah kira-kira \$540,000.

Kerja-kerja mengubahsuai dan membaiki saliran yang lama atau tidak sesuai juga telah dan sedang dilaksanakan dengan belanja kira-kira \$700,000.

Apabila siap rancangan itu kelak, ia akan memberi saliran yang lebih baik kepada kira-kira 410 hektar sawah. Dengan cara ini dapatlah dikurangkan

masalah tanah terbiar ketahap yang serendah mungkin.

Pekebun-pekebun kecil getah juga merupakan kelompok masyarakat yang banyak menyumbang kepada penghasilan daerah yang tinggi. Sejak tahun 1978, 6,040 hektar tanah getah kepunyaan pekebun kecil telah dibersih dan ditanam semula dengan bantuan RISDA.



Talair yang bersih menjamin pengairan yang sempurna

RISDA juga membantu mewujudkan sebuah mini estet di Seri menanti.


Lembaga ini juga telah mewujudkan 74 pusat pembangunan pekebun kecil dan 56 buah mini PPPK dengan belanja lebih kurang \$1 juta. Sebuah bangunan ibu pejabat daerah RISDA yang baru juga telah siap terbina bagi memberi perkhidmatan yang lebih cekap dan berkesan kepada para pekebun kecil di daerah ini.



Mini PPK



Bangunan baru Risda daerah untuk khidmat yang lebih sempurna



FAMA Bantu hasilkan tuaian petani

Kearah menambah baik lagi pendapatan para petani di daerah ini, Jabatan Pertanian telah menyelenggarakan lima jenis rancangan iaitu rancangan bantuan baja padi, pemulih-an sawah, baik-pulih dusun dan mena-nam sayur-sayuran. Lebih kurang \$1 juta dibelanjakan untuk projek ini.

Di samping itu sebuah Pusat Pertanian juga telah dirancang untuk dibina di Ampangan Tinggi dengan belanja keseluruhanannya dianggarkan \$69,000.

Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) turut membantu dalam usaha meninggikan taraf hidup para mening-gikan taraf hidup para petani di daerah ini, dimana tujuh rancangan telah dan sedang dilaksanakan di kawasan 47 hektar dengan belanja lebih kurang \$49,6000.

Satu lagi agensi pelaksana yang ada kaitannya dengan pertanian ialah FAMA di mana lembaga ini memain-kan peranan penting memasarkan hasil tuaian para petani.

Sebuah komplek bilek sejuk telah-pun dibina oleh lembaga itu dengan belanja \$841,000. Bilek sejuk ini boleh menyimpan sehingga 10 tan


sayuran pada satu-satu masa bagi menjamin para petani mendapat harga yang baik.

Sebagai kerja sampingan, para petani digalak memelihara lembu dan Kerajaan melalui Jabatan Haiwan, memberi sabsidi kepada mereka yang berminat.

Sejak 1978, 211 ekor lembu yang setiap satunya bernilai \$1,000 telah dibahagi-bahagikan secara pawah. Projek lembu tenusu juga mendapat sambutan baik dari rakyat, dan dalam tempoh yang sama 40 ekar lembu tenusu dibahagikan kepada rakyat melalui cara pinjaman dan sabsidi. Jabatan ini juga memajukan 24.3 hektar padang ragut di daerah ini.

Satu lagi kerja sambilan yang terbukti menguntungkan para petani ialah projek ikan air tawar. Di daerah Kuala Pilah ini sejak tahun 1978, 302 buah kolam ikan seluas kira-kira 62 ekar telah dibina oleh Jabatan Perikanan daerah.

Perusahaan merupakan salah satu cabang ekonomi yang giat diusahakan di daerah ini. Sebuah kawasan perindustrian telahpun diwujudkan di Dior.



Dior-pusat industri di daerah ini



Untuk kemudahan perniagaan sebuah pasar baru dibina.



Rancangan rumah rakyat Johol - siap 1980



Kampung Baru Cina turut mendapat belaan kerajaan Barisan Nasional

Sekurang-kurangnya dua buah pusat pertumbuhan juga telah dirancangan juga telah dimajukan di daerah ini, iaitu di Selaru dan Juasgeh.

Dari segi pembinaan rumah murah (rumah rakyat) pula 1,000 unit rumah dalam 16 buah rancangan sedang dalam berbagai peringkat pembinaan. Rancangan-rancangan ini menelan belanja lebih kurang \$18 juta.'

Di samping itu dua rancangan Desa Permai yang mengandungi 212 lot turut dilaksanakan bagi kemudahan perumahan untuk penduduk

setempat dengan belanja lebih kurang \$5.4 juta.

Untuk memberikan khidmat yang lebih sempurna bagi penduduk daerah Kuala Pilah ini, sebuah ibu pejabat daerah yang baru sedang dalam pembinaan dan dijangka akan dapat digunakan pertengahan tahun ini. Bangunan serba moden itu menelan belanja \$6.7 juta.

Dengan penerangan itu tadi jelaslah bahawa Kerajaan Negeri Sembilan telah dan terus berusaha untuk menyediakan berbagai kemudahan untuk faedah rakyat di daerah Kuala Pilah.



Jalan Kampung yang berturap tar - satu ciri baru yang memudahkan pengangkutan hasil luar bandar



Masjid yang lama diganti denganyang baru - satu usaha Kerajaan Barisan Nasional menyediakan tempat ibadat yang selesa